

'Media kena utama kepentingan nasional'

BH - 30/11/2006

Kritikan boleh dibuat asalkan ikhlas, berpegang pada objektif: TPM

Oleh Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak mengingatkan pengamal media supaya mengutamakan kepentingan nasional dan bukan membelakangi prinsip dan etika kewartawanan untuk mensensasikan isu semata-mata melariskan produk mereka.

Timbalan Perdana Menteri berkata, media cetak, elektronik, penerbitan online dan pemilik blog boleh membuat kritikan asalkan ia dibuat dengan ikhlas, berpegang pada objektif dan konstruktif.

"Media dilihat sebagai rakan untuk menegur dengan berhemah dan ikhlas jika ada yang tidak betul, menarik perhatian, kekurangan dan kelemahan serta memberi pandangan konstruktif dalam membina masyarakat demokratik yang matang.

"Bagaimanapun, dalam sebarang persahabatan akan ada perbezaan pendapat dan salah faham, tetapi kita perlu menerima hakikat bahawa kita saling memerlukan satu sama lain," katanya berucap pada Majlis Malam Wartawan Malaysia 2006 dan Penyampaian Hadiah Kewartawanan Malaysia Institut Akhbar Malaysia (MPI-Petronas) di sini, malam tadi.

Turut hadir Pengerusi MPI, Datuk Azman Ujang, Presiden dan Pengerusi Petronas, Tan Sri Hassan Merican, Pengarang Kumpulan Berita Harian Sdn Bhd, Datuk Manja Ismail dan Pengarang Harian Metro/Metro Ahad, Mustapa Omar.

Najib berkata, media perlu sensitif terhadap masyarakat berbilang kaum, fahaman agama, kepercayaan dan budaya berbeza dan tidak membangkitkan isu yang sudah diselesaikan generasi terdahulu.

Beliau berkata, media perlu membantu memberi penerangan tepat mengenai dan memperkukuhkan asas yang dipersetujui bersama itu.

"Jika negara Barat menekankan audien rating (rating penonton) dengan mengutamakan isu yang menimbulkan konflik, tidak bererti Malaysia tidak boleh berbuat demikian. Tetapi jangan jadikan itu matlamat utama.

"Apa yang ingin ditangani kerajaan ialah penyalahgunaan kebebasan sehingga boleh mengancam keselamatan negara. Sebab itu kita se-

lalu menekankan prinsip kebebasan media dengan tanggungjawab," katanya sambil menekankan kepimpinan negara komited kebebasan akhbar adalah prasarana asas ke arah negara maju pada 2020.

Sementara itu, beliau berkata, kerajaan bersetuju menaikkan taraf MPI sebagai pusat latihan untuk wartawan tempatan dan luar negara serta meluluskan peruntukan awal RM5 juta untuk tujuan itu.

"Kita berharap satu hari nanti, MPI muncul sebagai pusat penyelidikan dan penerbitan media dan di mana kewartawanan ulung di negara ini.

MPI akan bersaing dengan kursus ditawarkan pusat pengajian tinggi, sebaliknya menjadi institusi untuk menyemai perspektif nasional di kalangan pengamal media melalui kursus jangka pendek supaya me-

"Jika negara Barat menekankan rating penonton dengan mengutamakan isu yang menimbulkan konflik, tidak bererti Malaysia tidak boleh berbuat demikian. Tetapi jangan jadikan itu matlamat utama"

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

reka memahami nilai kewartawanan dari sudut Malaysia," katanya.

Beliau berharap badan korporat, termasuk industri media tempatan membantu MPI untuk memenuhi matlamat itu.

Najib berkata, MPI tidak boleh kekal dengan fungsi sekarang kerana dunia kewartawanan kini mengalami perubahan pesat, sama ada dari media cetak ke radio, televisyen dan kewartawanan internet.

Katanya, institusi itu juga boleh memainkan peranan sebagai pusat memperkenalkan perspektif kewartawanan Malaysia kepada wartawan luar negara terutama pengamal media di Dunia Ketiga.

Beliau juga mahu MPI secara aktif terbabit dalam kerja penyelidikan dan penerbitan berkaitan media tempatan seperti yang dilakukan Institut Kajian dan Antarabangsa Malaysia (ISIS).